

Kami hanya fikir keselamatan

Usaha wujudkan komuniti berpagar bagi pastikan risiko jenayah dan tahap keselamatan penduduk terjamin

SHAH ALAM - Hasrat mewujudkan kawasan kejiranan berpagar dan berpengawal adalah bagi meningkatkan tahap keselamatan supaya penduduk dapat hidup dalam satu kawasan perumahan yang lebih selamat.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Seksyen 24A, Mohamad A Bakar berkata, faktor keselamatan menjadi perkara utama yang membuatkan penduduk mahu mewujudkan satu komuniti berpagar.

"Sebenarnya, kami mahu pagar dipasang untuk tujuan keselamatan, kerana siang hari pun macam-macam boleh berlaku, macam baru-baru sebuah rumah di sini didatangi sebuah kereta yang katanya mahu membalik alat pendingin hawa tapi penghuni tidak pernah mengamgill

mana-mana orang untuk membaiknya.

"Jadi kami dalam persatuan merasakan pembinaan pagar sekurang-kurangnya dapat meningkatkan tahap keselamatan kerana kita dapat melihat siapa yang keluar dan masuk di kejiranan kita," katanya.

Penasihat Persatuan Penduduk Seksyen 24A, Rosli Mohd Amin berkata, sebelum ini pihaknya ada mengumpul dana daripada penduduk setempat untuk tujuan pembinaan pagar dan pembinaan awal telah pun dijalankan, namun akhirnya gagal disiapkan atas arahan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Memang sebelum ini kita dah mula pembinaan pagar, namun terhenti atas arahan pihak majlis kerana katanya ada aduan dibuat.

"Dari segi kekangan memang

ada yang tak setuju dalam kalangan penduduk sendiri namun itu hanya sebilangan kecil sahaja dengan alasan susah nak parkir kenderaan dan sebagainya, tapi mereka ini perlu lihat dari segi keselamatan, kita pentingkan keselamatan penduduk dahulu, dengan adanya pagar ni kita rasa selamat sedikitlah.

"Lagi pun sebelum kita bina memang kita telah dapatkan persetujuan majoriti penduduk, kami dapat 92 peratus tandatangan yang setuju dan kalau ikut garis panduan PBT hanya perlukan 79 peratus sahaja," katanya.

Seorang lagi penduduk, Abd Hamid Hamzah berkata, pihak persatuan telah membuat permohonan dan rayuan kepada pihak PBT na-



ABD HAMID



MOHAMAD

dah cuba nak pasang pagar tapi tak kesampaian, kita dah empat kali buat permohonan dan rayuan namun ditolak oleh pihak majlis, walaupun ada surat sokongan daripada Adun.

"Sekarang ini kita terpaksa hentikan proses pemasangan pagar di kawasan ini kerana permohonan kita belum diluluskan dan hingga kini pun permohonan kita tiada kata putus lagi, kami masih mengharap agar diluluskan.

"Saya rasa mungkin perlu campur tangan daripada Adun atau menteri besar sendiri baru perkara ini dapat diselesaikan dengan lebih cepat, apa yang kita mahukan ialah satu kawasan kejiranan yang lebih selamat," katanya.

Penduduk trauma pengawal keselamatan warga asing

AMPANG- Sistem kawalan keselamatan secara berpagar (gated) dan berpengawal (guarded) diperlukan sesetengah masyarakat bagi menjamin keselamatan mereka.

Pengerusi Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Zon Pandan Abd Haffidz Md Noor berkata, bagaimanapun isu sering dibangkitkan adalah rata-rata pengawal keselamatan yang dilantik adalah warga asing dari Bangladesh, Nepal dan Rohingya.

"Perkara tersebut menjadi trauma kepada sebahagian penduduk disebabkan peranan warga asing dalam kawasan mereka," katanya.

Beliau berkata, pihak berkuasa tidak menghalang penduduk untuk melaksanakan sistem kawalan keselamatan itu jika mereka menepati syarat.

"Implikasi sistem kawalan keselamatan ini adalah penduduk akan kurang berinteraksi antara satu sama lain, sebab sudah tiada keperluan



ABD HAFIDZ



HAMZAH

lagi. Kehidupan juga menjadi kurang harmoni dan tiada keprihatinan terhadap jiran tetangga dalam kalangan mereka," katanya.

Abd Haffidz berkata, sistem kawalan keselamatan hanya perlu diwujudkan di kediaman jenis tertentu seperti pangsapuri, kondominium atau kawasan elit.

"Sistem kawalan keselamatan ini bagus, namun rukun tetangga juga merupakan solusi terbaik untuk bina sikap kekitaan serta menyemarakkan rasa kebertanggungjawaban dalam kalangan jiran," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Hamzah Alias berkata, keberkesanan sistem kawalan keselamatan dalam mengurangkan kadar jenayah bergantung kepada komuniti kawasan itu sendiri.

"Kerjasama antara penduduk memang banyak membantu mengurangkan kadar jenayah," katanya.

Tidak jamin aspek keselamatan: Penganalisis jenayah

KUALA LUMPUR - Komuniti berpagar tidak menyelesaikan masalah keselamatan secara total tanpa penglibatan dan kerjasama penduduk. Bahkan, konsep komuniti berpagar dianggap sekadar psikologi bukannya faktor hakiki.

Penganalisis Jenayah, Kamal Affendi Hashim, berkata, langkah mewujudkan komuniti berpagar mempunyai pro dan kontranya bergantung kepada komuniti dalam kawasan itu sendiri.

Namun menurutnya, menjadi kebimbangan apabila konsep komuniti berpagar ini melonggarkan ikatan antara penduduk dek kerana kebergantungan kepada pihak ketiga dalam mengawal aspek keselamatan dalam kawasan perumahan sendiri.

"Apakah komuniti berpagar lebih baik daripada komuniti biasa? pagar itu hanya sebagai simbolik kepada sempadan, yang selalu saya lihat bila ada komuniti berpagar, hubungan antara penduduk semakin longgar. Apabila ada komuniti berpagar me-

reka akan menggaji pengawal keselamatan ia bukanlah masalah besar tetapi keadaan ini masih lagi memerlukan kerjasama penduduk.

"Kalau buat komuniti berpagar dan kita lepaskan kepada pihak ketiga, lama kelamaan kualiti kependudukan di situ akan merosot. Bergantung pada pihak ketiga tiada masalah, jika penduduk masih lagi buat aktiviti supaya penduduk tetap kekal rapat. Malangnya ia tidak menjadi begitu," katanya.

Daripada aspek risiko dan faedah, konsep komuniti berpagar diakui membina halangan minda kepada bakal penjenayah seterusnya memberi sedikit keyakinan kepada pemilik harta.

"Tapi jangan beranggapan pagar ini adalah segalanya kerana ia hanya psikologi sahaja, bukan faktor yang hakiki. Jika tidak, saya fikir pihak ber-



KAMAL AFFENDI

kuasa tempatan (PBT) dah lama bina komuniti yang berpagar. Sebenarnya yang menjadi kekuatan di sesuatu kawasan itu adalah perancangan bandar sempurna dibuat untuk mengurangkan risiko kes jenayah," katanya.

Mengulas mengenai isu kesukaran penduduk mendapatkan kebenaran bagi mewujudkan komuniti berpagar, Kamal menjelaskan, kebenaran yang diperoleh selama ini hanyalah satu bentuk pertimbangan daripada PBT kehendak dan persetujuan majoriti.

"Saya tidak menyokong dan juga tidak membantah, tapi bagi saya adalah elok jika komuniti itu dapat bergerak seperti mana satu komuniti yang sewajarnya. Janganlah hanya kerana kita sudah ada komuniti berpagar, kita anggap kerja kita sudah selesai," katanya.

Syarat, prosedur tidak ketat

TERATAI - Kerjasama antara persatuan penduduk dan Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) perlu ada jika penduduk mahu mewujudkan sistem kawalan keselamatan secara berpagar dan berpengawal.

Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat berkata, beliau telah mengursus tiga permohonan untuk pelaksanaan sistem kawalan keselamatan tersebut di

kawasannya.

"Kesemua permohonan tersebut telah lulus, garis panduan sudah ada, mereka boleh terus memohon kepada MPAJ, syarat dan prosedur tidak ketat," katanya.

Mohamad berkata, terdapat segelintir pihak tidak bersetuju dengan pelaksanaan sistem kawalan keselamatan dengan alasan kebebasan

mereka disekat untuk keluar masuk ke kawasan perumahan itu.

"Selain isu halangan, penduduk juga bangkitkan isu bayaran. Masyarakat sudah dibebani dengan pelbagai cukai termasuk GST, mereka merasakan isu keselamatan ini adalah tanggungjawab polis. Penduduk terpaksa bayar lebih untuk hal keselamatan di perumahan mereka," katanya.